

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan tahap aksesibiliti dan kebolegunaan (usability) kemudahan pengangkutan awam oleh golongan OKU di kawasan luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan penyedia perkhidmatan pengangkutan awam untuk menyediakan perkhidmatan yang inklusif kepada semua golongan termasuk golongan OKU selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara (2019-2030) di bawah Strategi 3.4 iaitu memperkukuh infrastruktur pengangkutan awam dan memperluaskan penggunaan digital bagi meningkatkan ketersambungan. Kerajaan telah menggariskan pelan tindakan untuk meningkatkan aksesibiliti di terminal penumpang dan pengangkutan awam untuk golongan OKU. Ini dapat dilihat melalui bas mesra OKU yang telah disediakan oleh perkhidmatan bas Rapid di luar Lembah Klang seperti di negeri Pahang dan juga Perak.

2. Selain daripada itu, pihak Kementerian menjalankan audit secara berkala di hab pengangkutan dan perkhidmatan awam termasuk di kawasan luar bandar seperti audit yang telah diadakan di Stesen KTMB Wakaf Bharu, Kelantan pada Februari 2020 yang lalu bagi memastikan ia boleh digunakan oleh golongan OKU. Pihak Kementerian juga menyediakan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Service*) bagi menghubungkan pengguna termasuk golongan OKU di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak sejak 1 Oktober 2017. Kemudahan yang disediakan termasuklah kerusi roda dan perkhidmatan porter untuk membantu penumpang OKU sepanjang proses pelepasan dan ketibaan pesawat.

NO. SOALAN:13

3. Pihak Kementerian juga sentiasa menggalakkan pihak NGO yang berkaitan untuk menyediakan perkhidmatan khas bagi membantu golongan OKU dalam masa yang sama boleh memberi nilai tambah dan meningkatkan ekonomi golongan tersebut.

Sekian, terima kasih.